



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
**CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK**  
**IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**  
**ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)**  
**JALAN SULTAN SALAHUDDIN**  
**50480 KUALA LUMPUR**

Telefon : (03) 2618 9958  
Faks : (03) 2618 9844  
Laman Web <http://www.jkr.gov.my>

Ruj.Kami : (44)PKR(L)5/1/73

Tarikh : 18 Julai 2018

**SEMUA PEMBEKAL DAN PENGILANG**

Bagi Permohonan Bahan/Barangan Berdaftar  
Electrical Material Approved List (EMAL)

Tuan,

**PERKARA: Pemberitahuan Berkaitan Sesi Semakan Dokumen Permohonan  
Pendaftaran Baru Dan Pembaharuan Sijil Bahan/Barangan Dengan  
Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Malaysia**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan rekod pejabat ini, didapati banyak dokumen yang dikemukakan oleh pembekal/pengilang bagi permohonan pendaftaran baru dan pembaharuan sijil bahan/barangan adalah tidak lengkap. Bagi melancarkan proses pendaftaran, Unit Pensijilan Bahan Dan Standard (UPBS) akan melaksanakan proses semakan dokumen tersebut bersama dengan pemohon.

3. Sehubungan dengan itu, mulai 1 Ogos 2018 Unit Pensijilan Bahan Dan Standard (UPBS) akan mengadakan sesi semakan dokumen pendaftaran yang dikemukakan oleh pembekal/pengilang bagi permohonan baru dan juga pembaharuan sijil bahan/barangan pada **setiap hari Isnin dan Jumaat bagi minggu pertama, minggu kedua dan minggu ketiga setiap bulan** bertempat di Pejabat UPBS, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Tingkat 15 Menara Kerja Raya (Blok G), Ibu Pejabat JKR.

4. Oleh itu, pihak tuan diminta untuk mengemukakan dokumen permohonan pendaftaran bahan/barangan baru dan juga pembaharuan pada hari tersebut sahaja. Maklumat berkaitan perkara ini akan dikemaskini dari masa ke semasa di dalam laman Web EMAL (<https://jmal.jkr.gov.my/emalv3/>) dan boleh disemak pada ruangan **pengumuman**.

5. Kerjasama tuan adalah diperlukan untuk menjayakan sesi ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(Ir. Hj. **YAKUB BIN ABDUL LATIF**)

Pengarah Perkhidmatan Pakar  
Cawangan Kejuruteraan Elektrik  
b.p. Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia *ly.*

1/1

